From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KISAH ALUMNI UUM ANAK SEMPORNA, KANSER TAHAP 4
Date: Monday, 21 September, 2026 10:52:09 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia


UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Kori Ariff

KISAH ALUMNI UUM ANAK SEMPORNA, KANSER TAHAP 4



UUM ONLINE: Baru sahaja melangkah keluar dari Dewan Mu'adzam Shah, Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 2025 dengan segenggam Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian, masa depan Mohd Asif Haafiz Abd Hasan kelihatan begitu cerah.

Anak muda berusia 25 tahun yang berasal dari Kampung Kubang Baru, Semporna, Sabah ini menyimpan seribu impian untuk berbakti kepada keluarga dan membina kehidupan.

Namun, takdir Allah SWT mengatasi segalanya. Saat kaki mahu melangkah melakar kerjaya, ujian paling berat bertandang tanpa dipinta.
Sejak bulan Mei yang lalu, tubuh gagah yang dahulunya seberat 105 kilogram (kg) mula layu dipukul kesakitan.

Diagnosis yang diterima bagaikan petir di siang hari apabila Mohd Asif disahkan kanser hati tahap 4.

Dalam sekelip mata, keceriaan seorang alumni muda bertukar menjadi perjuangan sengit menentang penyakit yang meragut segala kekuatannya.

Kini, berat badannya susut mendadak sehingga tinggal 68 kilogram sahaja.

Setiap kilogram yang hilang membawa bersama sebahagian tenaga dan tawa yang pernah menghiasi hari-hari keluarganya.

Bagi seorang ibu, Puan Yati, tiada kesakitan yang lebih meragut jiwa selain melihat anak kandung sendiri terbaring lemah.

"Keadaan Mohd Asif memang lemah, pergerakannya terhad, cepat letih... dan bermacam-macam rasa yang kurang selesa," luah Puan Yati dengan hati yang berat.

Sejak awal Jun, pintu wad hospital telah menjadi 'rumah kedua' buat Asif.

Suapan makanan yang dahulunya disambut dengan selera, kini perlu dipaksa sedikit demi sedikit sekadar untuk bertahan.

Tiada apa yang berubah sejak bulan Mei. Asif masih dalam dugaan yang sama, bertarung dengan fizikalnya yang kian tidak berdaya.

Perjuangan Asif bukan lagi perjuangan dia dan ibunya sahaja, tetapi juga ujian kasih sayang buat kita semua, khususnya warga alumni UUM dan masyarakat yang prihatin.

Di saat lidah tidak putus mendoakan, huluran tangan kita amat ditagih untuk meringankan beban kos perbelanjaan rawatan dan pengurusan harian yang kian berlipat ganda.

Hulurkanlah sumbangan ikhlas anda, walau sekecil mana sekalipun nilainya. Bagi kita mungkin ia sekadar seringgit dua, namun buat Asif dan ibunya, ia adalah sinar harapan dan bekalan kekuatan untuk terus bertahan.

Marilah kita bersama-sama menadah tangan, memohon kepada Allah SWT agar mengangkat segala kesakitan daripada tubuh Mohd Asif Haafiz, mengurniakan kesembuhan yang sempurna tanpa meninggalkan sebarang penyakit, serta mempermudahkan segala urusan mereka sekeluarga.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.